



"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : KP(BKEW)(PK)1587/6/A-4 Jld.2(8)

Tarikh : 16 Februari 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PINDAAN KEPADA PERENGGAN 3.1 DAN 3.4, SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2011 BERTARIKH 13 JULAI 2011 : KADAR KELAYAKAN MAKAN DAN PENGINAPAN MURID/ATLET/PELAJAR DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI KURIKULUM, KOKURIKULUM DAN SUKAN DALAM ATAU LUAR NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dilampirkan Surat Edaran mengenai "Pindaan Kepada Perenggan 3.1 Dan 3.4 Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2011 Bagi Menetapkan Kadar Kelayakan Makan Dan Penginapan Murid/Atlet/Pelajar di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kurikulum, Kokurikulum Dan Sukan Dalam Atau Luar Negara".

3. Kerjasama daripada pihak tuan selaku Ketua Jabatan adalah dimohon untuk memanjangkan surat edaran ini kepada semua agensi di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS"**

Saya yang menurut perintah,

(NADIMAH HILWAH BINTI MOHD SAIFUDDIN)

Bahagian Kewangan
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Tel : 03 8884 7028
Faks : 03 8884 7701
E-mail : nadimah.saifuddin@moe.gov.my

...2/-

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)



"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : KP(BKEW)(PK)1587/6/A-4 Jld. 2(7)
Tarikh : 14 Februari 2012

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Semua Pengarah IPGM/Kolej Matrikulasi

Tuan,

**PINDAAN KEPADA PERENGGAN 3.1 DAN 3.4, SURAT PEKELILING
KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2011 BERTARIKH 13 JULAI 2011 :
KADAR KELAYAKAN MAKAN DAN PENGINAPAN MURID/ATLET/
PELAJAR DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) YANG
TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI KURIKULUM,
KOKURIKULUM DAN SUKAN DALAM ATAU LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Kementerian Kewangan nombor rujukan KK/BP/WAI 12/547/1 Jld. 4 s.k.5/2011 (3) bertarikh 25 November 2011 berhubung perkara di atas.

2. Sebagaimana termaklum, SPK Bil. 2 Tahun 2011 telah menetapkan kadar kelayakan makan bagi murid/atlet/pelajar yang berusia kurang 13 tahun. Sehubungan itu, pihak Perbadanan telah meluluskan **kadar baru** dengan pindaan kepada Perenggan 3.1 SPK berkenaan seperti berikut:-

HAD UMUR	KADAR MAKAN (seorang sehari) (RM)		KADAR PENGINAPAN HOTEL (sehari) (RM)
	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak/ WP Labuan	
Kurang dari 13 tahun Semua murid/atlet di semua institusi pendidikan KPM yang berumur 13 tahun dan ke bawah.	16.00 (Baru)	20.00 (Baru)	50.00 (KEKAL)

HAD UMUR	KADAR MAKAN (seorang sehari) (RM)		KADAR PENGINAPAN HOTEL (sehari) (RM)
	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak/ WP Labuan	
13 tahun dan ke atas <i>Semua murid/atlet/ pelajar di semua institusi pendidikan KPM yang berumur 13 tahun dan ke atas.</i>	20.00 (Kekal)	25.00 (Kekal)	65.00 (KEKAL)

3. Selain itu, Perenggan 3.4, SPK yang sama menetapkan bahawa, "Bagi program yang dilaksanakan di premis kerajaan dengan hanya menyediakan makan sahaja tidak perlu memohon kelulusan Bahagian Kewangan". Melalui surat edaran ini, Perenggan 3.4 adalah dipinda seperti berikut:-

"Bagi program yang dilaksanakan di premis kerajaan yang menyediakan sama ada makan dan penginapan atau makan sahaja tidak perlu memohon kelulusan Bahagian Kewangan tertakluk mematuhi kadar seperti di Perenggan 3.1".

4. Dengan berkuatkuasanya peraturan-peraturan baru ini, maka perenggan 3.1 dan Perenggan 3.4, SPK Bil. 2 Tahun 2011 adalah dibatalkan.

5. Peraturan-peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan tertakluk kepada adanya peruntukan yang mencukupi bagi tujuan tersebut serta mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS"

Saya yang menurut perintah,

Sabri
(SABRI BIN HAJI SAID)
 b.p Ketua Setiasaha
 Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k :

KSU

KPPM

Semua TKSU

Semua TKPPM

SUB (Audit Dalam)

SUB (Audit Sekolah)

Akauntan Negara Malaysia

Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negeri




KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL.
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

KK/BP/WAI 12/547/1 Jld.4 s.k 5/2011 (3)

25 November 2011



Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Kewangan
Aras 6& 7, Blok E12, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p: Puan Siti Sapor binti Borhan)

FAKS:03-8884 7679

Puan,

PERMOHONAN PENETAPAN KADAR BARU MAKAN DAN PENGINAPAN MURID/PELAJAR/ATLET DALAM DAN LUAR NEGARA

Saya diarah merujuk kepada surat puan bil. KP1574/40/ Jld.136 (48) bertarikh Oktober 2011 mengenai perkara di atas.

2. Setelah diteliti, Perbendaharaan tiada halangan dengan cadangan pihak puan untuk menetapkan kadar (maksimum) bagi murid/atlet/pelajar berusia kurang 13 tahun dalam dan luar negara yang terlibat dalam aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan sukan seperti berikut:

Penetapan Kadar Baru Makam dan Penginapan Murid/ Pelajar/ Atlet Dalam dan Luar Negara				
Umur	10.00	16.00	15.00	20.00
≤ 12 tahun	10.00	16.00	15.00	20.00
≥ 13 tahun	20.00	Kekal	25.00	Kekal

3. Kelulusan kadar ini boleh diguna pakai bermula pada tahun 2012 dan tahun-tahun berikutnya tertakluk kepada adanya peruntukan yang mencukupi bagi tujuan tersebut dan mematuhi peraturan kewangan berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZAINAL ABIDIN BIN MAT NOR)
Bahagian Dasar Saraan,Wang Awam dan Khidmat Pengurusan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ : 03-8882 3151
☎ : 03-8882 4327
✉ : zainalabidin.matnor@treasury.gov.my